

PEMETAAN TAPAK MEGALITIK DI LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

*(MAPPING OF MEGALITIC SITES IN LUAK TANAH MENGANDUNG,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS)*

**Zuliskandar Ramli, Shamsuddin Ahmad, Natasha Edreena Mohamad
Nasruddin, Siti Salina Masdey, Nur Farriehah Azizan, Muhammad
Shafiq Mohd Ali**

Abstrak

Artikel ini menfokuskan tentang kebudayaan megalit yang wujud di Negeri Sembilan. Objektif penulisan ini bertujuan untuk membincangkan pandangan masyarakat berkaitan dengan kebudayaan megalit dalam kalangan masyarakat tempatan khususnya daripada perspektif sosiobudaya dan etnoarkeologi. Dengan taburannya yang tidak menyeluruh di Semenanjung Malaysia kecuali di Negeri Sembilan dan Melaka, serta penemuan dalam jumlah yang kecil di Perak menyebabkan pengetahuan atau pemahaman masyarakat mengenai kebudayaan megalit juga agak terbatas. Selain itu, penulisan ini juga membincangkan tentang taburan tapak megalitik dengan menggunakan kaedah *Geographical Information System*. Kajian ini menggunakan bahan bertulis di perpustakaan sama ada buku, jurnal atau kertas kerja seminar dan sebagainya. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kaedah etnoarkeologi seperti yang pada kebiasaannya seringkali digunakan oleh sarjana untuk mengkaji sosiobudaya dan kebudayaan megalit. Hasil kajian mendapati wujud pelbagai perspektif masyarakat berkaitan dengan batu megalit atau batu hidup. Antaranya ialah konsep batu hidup dikaitkan dengan andaian ia ada 'roh', seolah-olah ia hidup. Namun realitinya, konsep 'batu hidup' yang dimaksudkan adalah wujudnya pelbagai upacara ritual, sajian, penyembahan atau semah, kepercayaan adanya kuasa luar biasa atau super natural, rasa penghormatan dan sebagainya yang melingkari kehidupan masyarakat pada masa tersebut. Fenomena ini secara tidak langsung telah menyebabkan tradisi batu megalit atau batu hidup terus berkembang dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Kebudayaan Megalit, ritual, *super natural*, sosiobudaya.

Abstract

This article focuses on the megalith culture that existed in Negeri Sembilan. The objective of this paper is to discuss the public's views on megalith culture among the local community, especially from a sociological and ethnoarchaeological perspective. With its widespread distribution in Peninsular Malaysia except in Negeri Sembilan and Malacca, as well as small discoveries in Perak it has also limited the knowledge or understanding of the megalith culture. In addition, this paper also discusses the distribution of megalithic sites using the Geographical Information System method. This study uses secondary sources in libraries such as books, journals or seminar papers and so on. Ethnoarchaeological methods also being applied as they are commonly used by scholars to study megalith socioculture. The results show that there are various community perspectives related to megalith stone or

living stone. Among them is the concept of a living stone associated with the assumption that it has a 'spirit,' as if it were alive. But the reality is that the concept of 'living stone' is the existence of various rituals, dishes, worship or tents, the belief of supernatural or supernatural powers, a sense of honor and so on that encircles people's lives at that time. This phenomenon has indirectly caused the tradition of Megalith stone or living stone to flourish in society.

Keywords: *Megalith culture, ritual, supernatural, sociocultural.*

PENGENALAN

Kebudayaan megalit merupakan satu budaya yang bersifat sejagat dan amat terkait dengan kebudayaan masyarakat zaman prasejarah. Ia ditemui dalam kalangan pelbagai ras atau bangsa di seluruh dunia. Kebanyakan bangsa di dunia mempunyai tinggalan batu megalit yang terkait dengan kebudayaan zaman Neolitik dan menjurus kepada tradisi menyembah nenek-moyang. Di tanah besar Asia Tenggara, kebudayaan megalit banyak dijumpai di Laos terutamanya yang terkait dengan tinggalan "Plain of Jars" sementara di kepulauan Asia Tenggara, ia dijumpai di hampir keseluruhan tempat termasuk Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, pulau-pulau kecil di Nusa Tenggara dan juga di kepulauan Filipina. Jenis megalit yang terdapat di Alam Melayu memperlihatkan kepelbagaiannya. Ini termasuklah jenis menhir, dolmen, peti batu, *slab grave*, waruga, punden berundak dan sebagainya. Di Malaysia sendiri, kebudayaan megalit dijumpai di Semenanjung Malaysia seperti di Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan Perak. Ia turut dijumpai di Sabah dan Sarawak. Ini termasuklah kawasan pantai barat Sabah seperti di Kota Belud, Tuaran, Penampang dan Papar, kawasan pedalaman seperti di Tambunan, Keningau, Sapulut, Tenom dan Long Pasia. Di Sarawak, kebudayaan megalit dijumpai di bahagian utara dan selatan Sarawak seperti di Long Semadoh dan Santubong. Jenis megalit di Malaysia Timur bersifat lebih pelbagai jika dibandingkan dengan megalitik yang dijumpai di Semenanjung Malaysia. Ia terdiri daripada menhir, dolmen dan batu berukir.

Secara etimologi, Megalit adalah merujuk kepada perkataan Yunani di mana 'megas' bermaksud 'besar' dan 'lithos' bermaksud 'batu'. Kombinasi dua perkataan tersebut membentuk 'megalit' yang mempunyai maksud satu atau lebih batu besar yang digunakan untuk membina struktur binaan dengan bentuk tertentu dengan tujuan istimewa. Terminologi ini mula digunakan oleh Algeron Herbert pada tahun 1849. Kepelbagaian jenis batu besar atau megalit ditemui di seluruh dunia tetapi kebanyakannya tidak terkait dengan kubur atau makam. Struktur megalit bermula dengan pesat ketika zaman Neolitik kemudian berkembang ke zaman logam (tembaga, gangsa, besi). Megalit bermaksud struktur daripada batu yang besar dibina tanpa menggunakan mortar atau konkrit dan sangat terkait dengan zaman serta kebudayaan prasejarah. Keunikan tinggalan kebudayaan megalit membuatkan di sesetengah tempat ia juga dikenali dengan 'kebudayaan batu hidup'. Kebudayaan ini telah diamalkan dengan meluasnya di Asia Tenggara dan ia dipercayai sebagai tradisi tempatan yang tulen dan tidak dipengaruhi dunia luar. Satu lagi istilah yang terkait dengan penggunaan batu besar ialah monolitik. Monolitik ini adalah berasosiasi dengan kebudayaan selepas zaman prasejarah. Seni bina monolitik adalah seni bina yang dibina hasil daripada ukiran, pahatan atau digali sebongkah batu yang amat besar (selalunya sebuah bukit) sehingga menjadi sebuah bangunan yang digunakan oleh manusia. Contoh monolitik ialah Gereja St. George (Bete Giyorgis) di Lalibela, Ethiopia yang dibina Dinasti Zaywe dan Pancha Rathas di India yang dibina pada abad ke-7 Masihi.

Kebudayaan megalit yang ditemui di Negeri Sembilan adalah mempunyai susunan berbentuk "*alignment*" yang juga terdapat di negara lain seperti di Utara Timur India dan Indonesia (Evans 1921). Selain itu, pengaruh kebudayaan megalit ini ditemui terutamanya di daerah-daerah yang terdapatnya penduduk yang masyarakatnya berasal dari Minangkabau. Di Negeri Sembilan khususnya di Lembah Terachi terdapat lebih daripada 300 tapak megalitik yang dikesan semasa survei dilakukan pada tahun 1990 (Muhamad Mahfuz 1997). Kebanyakan tapak megalitik yang ditemui terdapat dalam tanah adat milik masyarakat Minangkabau yang mana terkenal dengan adat

perpatih. Menurut Evans perkembangan kebudayaan megalit di Negeri Sembilan dianggarkan sekitar abad ke-14 hingga 15 Masihi. Hal ini kerana, Evans merujuk kepada pentarikan kubur Syekh Ahmad Majnun di mana tarikh kematiannya adalah sekitar 1467 Masihi. Di samping itu, terdapat penemuan megalit di beberapa tempat lain di Negeri Sembilan iaitu di daerah Rembau, Jelebu, Kuala Pilah dan Tampin (Adnan Jusoh et al. 2018). Terdapat juga megalitik milik Datuk Nisan Tinggi di Tampin, Dato" Patah, Dato" Ahmad, Tok Sari dan Moyang Salleh yang merupakan nama-nama tokoh yang dikaitkan dengan kerajaan Negeri Sembilan (Hasanuddin 2015).

Pengkaji terdahulu iaitu Kamarul Baharin Buyong (1992) menjalankan penyelidikan di Kuala Pilah dan telah membahagikan megalit kepada tiga lokasi mengikut kedudukan di mana ianya ditanam di tepi-tepi sawah, ditanam di lereng-lereng bukit dan ditanam di tanah-tanah lapang. Tapak megalitik yang ditemui di tepi-tepi sawah adalah merupakan tanah adat milik warisan turun-temurun malah setiap pemilik tanah mempunyai satu tapak megalitik yang ditanam oleh mereka. Namun begitu, terdapat juga jumpaan dua buah megalit yang didirikan di atas tanah adat milik persendirian. Penduduk kampung sekitar tapak megalitik menganggap megalit tersebut sebagai kubur nenek moyang mereka (Muhamad Mahfuz 1997). Kajian yang dilakukan oleh Kamarul Bahrin Buyong telah menelusuri lebih daripada 80 buah kampung di Kuala Pilah dan tapak megalitik yang direkodkan adalah lebih daripada 200 buah tapak. Penyelidikan yang dilakukan oleh beliau amat bermakna dalam merekodkan seberapa banyak tapak megalitik yang wujud di kawasan Kuala Pilah secara tidak langsung pemetaan tapak megalitik di Lembah Terachi menggunakan teknologi terkini terutamanya GIS amat penting dalam konteks pelestarian warisan. Pemetaan semula ini penting untuk merekodkan secara terperinci dengan menggunakan perisian dan teknologi terkini supaya data berkenaan dengan tapak-tapak megalitik di Negeri Sembilan ini disimpan dengan baik dan menjadi rujukan bagi penyelidik pada masa hadapan. Ini adalah kerana ada waktu dan ketikanya batu megalit ini dipindahkan atau hilang entah ke mana akibat daripada pembangunan kawasan sama ada oleh kerajaan atau penduduk kampung sendiri. Ada juga penduduk kampung atau waris yang memindahkan kubur dan ditandai dengan batu megalit ke kawasan lain dan kadang kala tanda itu juga ditukar dengan batu nisan yang lebih moden. Sehubungan dengan itu, tapak megalitik ini atau lebih dikenali dengan panggilan kubur nenek moyang akan lenyap dan tidak dapat direkodkan.

Pemetaan tapak megalitik ini dilakukan adalah bertujuan untuk memudahkan pengguna memanipulasi dan memaparkan pengetahuan geografi dalam cara yang baru serta lebih berkesan dengan menjadikan peta dan lain-lain maklumat dalam bentuk digital dengan menggunakan perisian *Geographical Information System* (GIS). Perisian GIS merupakan sistem komputer yang direka untuk membolehkan pengguna mengumpul, mengurus, dan menganalisis sejumlah besar rujukan spatial data-data atribut yang berkaitan. Data spatial merangkumi segala data berkaitan sumber semula jadi, persekitaran, pemilikan tanah, demografi, faktor sosial ekonomi dan segala data yang berkaitan dengan kedudukan dan lokasi (mempunyai koordinat). GIS membolehkan pengguna mengakses data geografi dan lokasi tapak megalitik di sekitar Kuala Pilah dan disimpan untuk jangka masa yang lama. Selain itu, pengguna juga dapat menganalisis taburan tapak megalitik di sekitar Kuala Pilah dengan lebih jelas dan terperinci untuk memastikan kebudayaan megalit dikekalkan menjadi suatu warisan budaya masyarakat Negeri Sembilan.

SENARAI TAPAK MEGALITIK DI NEGERI SEMBILAN

Kebanyakan masyarakat percaya bahawa megalit merupakan kubur-kubur nenek moyang, khususnya masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Hal ini kerana mereka mengaitkan tokoh-tokoh sejarah tempatan dengan penubuhan Negeri Sembilan. Antaranya Dato Patah, Dato Ahmad, Tok Saleh, dan sebagainya (Muhamad Mahfuz 1997). Perubahan budaya, sosial dan ekonomi masyarakat daripada semasa ke semasa turut membuatkan masyarakat menukarkan fungsi batu megalit dengan menggunakan serpih batu sebagai batu nisan serta peralatan harian (Mohammad Yasir 2009). Berikut merupakan senarai tapak megalitik yang terdapat di Negeri Sembilan yang telah dikemaskini oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan pada tahun 2016:

1. Tapak Megalitik Kampung Gedang Terachi (Makam Tok Patah)


2. Tapak Megalitik Kampung Terachi Batu 15 ½
3. Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar, Tanjung Ipoh
4. Tapak Megalitik Kampung Kundangan, Terachi
5. Tapak Megalitik Kampung Pauh, Terachi
6. Tapak Megalitik Kampung Mampas Besar
7. Tapak Megalitik Kampung Ibol Seberang, Terachi
8. Tapak Megalitik Kampung Kuala Talang
9. Tapak Megalitik Kawasan Perkuburan Tanjung Ipoh
10. Tapak Megalitik Kampung Perigi Merbau
11. Tapak Megalitik Kampung Gendang
12. Tapak Megalitik Kampung Lanjut Manis, Terachi
13. Tapak Megalitik Kampung Purun, Tanjung Ipoh
14. Tapak Megalitik Kawasan Ampang Batu, Seri Menanti
15. Tapak Megalitik Makam Tok Bauk Kampung Teriang, Jelebu
16. Tapak Megalitik Makan Tok Pawing Jelebu, Masjid Kuala Dulang
17. Tapak Megalitik Kawasan Perkuburan Kuala Jemapoh
18. Tapak Megalitik Makam Dato Nisan Tinggi, Tampin
19. Tapak Megalitik Makam Syed Saaban Dan Makam Raja Ali, Tampin
20. Tapak Megalitik Kawasan Perkuburan Kampung Durian Hijau, Terachi
21. Tapak Megalitik Kampung Solok Paku, Jalan Kuala Pilah-Seremban
22. Tapak Megalitik Kampung Senaling, Kuala Pilah
23. Tapak Megalitik Kawasan Perkuburan Kampung Bukit, Senaling
24. Tapak Megalitik Kawasan Perkuburaan Kampung Gunung Pasir, Seri Menanti
25. Tapak Megalitik Kampung Pilah Tengah, Senaling

PEMETAAN TAPAK MEGALITIK DI LUAK TANAH MENGANDUNG

Berdasarkan kepada jumpaan tapak megalitik yang terdapat di Negeri Sembilan, kebanyakan tapak yang ditemui berada dalam lingkungan Luak Tanah Mengandung. Hal ini kerana Luak Tanah mengandung merupakan luak yang mengelilingi kawasan Seri Menanti dan merupakan tanah ibunda kerana ianya merupakan kawasan bersemayamnya Yang Di-Pertuan Besar. Selain itu, Luak Tanah Mengandung juga merupakan serambi bagi Luak Berundang. Serambi yang dimaksudkan adalah tempat persinggahan bagi Datuk Undang sebelum ke Seri Menanti. Luak Tanah Mengandung yang berada di daerah Kuala Pilah terdiri daripada beberapa kawasan luak iaitu Luak Terachi, Luak Gunung Pasir, Luak Ulu Muar, Luak Jempol dan juga Luak Inas. Bagi Luak Tanah Mengandung, Penghulu merupakan pemimpin adat yang ditugaskan sebagai ketua luak serta memilih Yamtuan Besar. Berikut merupakan hierarki pemimpin asat perpatih (A. Samad Idris et al. 1994). Rajah 1 menunjukkan struktur pemerintahan bagi Adat Perpatih di Negeri Sembilan khususnya di Luak Tanah Mengandung:

Pemetaan tapak megalitik di Luak Tanah Mengandung dijalankan dengan tujuan untuk merekodkan kedudukan secara koordinat setiap tapak megalitik dengan menggunakan alat '*Global Position System*' dan diintergrasikan bersama-sama dengan perisian *Geographical Information System* (GIS). Kaedah ini secara tidak langsung dapat memetakan setiap tapak megalitik dengan lebih tepat dan maklumat ini dapat digunakan dengan lebih efisien oleh pengguna di masa akan datang. Walaupun kajian lepas telah merekodkan jumlah tapak megalitik di Kuala Pilah melebihi 200 buah tapak dan ada yang menyatakan juga di Lembah Terachi sahaja mempunyai 300 buah tapak tetapi data yang kami peroleh tidak selari dengan rekod yang lepas. Pemetaan terkini tapak megalitik di Luak Tanah Mengandung telah berjaya merekodkan sebanyak 126 buah tapak dengan jumlah batu megalit sebanyak 4223 buah. Jumlah ini dijangka akan bertambah kerana beberapa faktor antaranya ialah tapak megalitik yang telah terbiar dan tersorok dalam semak samun, kawasan tapak yang tidak boleh diakses disebabkan tuan tanah terutamanya waris yang berhijrah ke daerah atau ke negeri lain dan maklumat terhad yang diperolehi apabila kajian lapangan dilakukan. Bagi setiap Luak di Luak Tanah Mengandung pula, jumlah tapak megalitik dan batu megalit yang berjaya direkodkan boleh dirujuk dalam Jadual 1. Jumlah tapak megalitik yang terbanyak dicatatkan di Luak Ulu Muar iaitu

sebanyak 56 buah tapak Megalitik manakala jumlah batu megalit yang tertinggi dicatatkan di Luak Terachi iaitu sebanyak 1840 buah batu megalit.




Rajah 1. Hierarki Pemimpin Adat Perpatih
Sumber: A. Samad Idris et al. (1994)

Jadual 1. Jumlah tapak Megalitik dan batu Megalit di Luak Tanah Mengandung

Luak	Jumlah Tapak	Jumlah Batu
Terachi	38	1840
Ulu Muar	56	1640
Gunung Pasir	7	330
Jempol	22	395
Inas	3	18
Jumlah keseluruhan	126 buah	4223

i. Luak Terachi

Luak Terachi telah diteroka oleh tiga keluarga Minangkabau yang datang membuka tanah sawah dengan kesuburan buminya yang pamah di kiri dan kanan sebatang sungai sekitar abad ke-18 Masihi. Sebelum kedatangan Raja Melewar, Luak Terachi termasuk di bawah Ulu Muar yang terletak sebelah timurnya lereng Gunung Angsi, terus melalui kawasan tanah pamah hingga masuk ke Sungai Muar dan sebahagian lagi termasuk di bawah pentadbiran Sungai Ujong (A. Samad Idris et al. 1994). Berikut merupakan peta taburan tapak megalitik di Luak Terachi dan senarai tapak megalitik yang dijumpai:



Rajah 2. Taburan Tapak Megalitik di Luak Terachi

1. Kampung Tanjung Tiga



Tapak Megalitik Kampung Tanjung Tiga berada di kedudukan longitud 2.73564 Utara dan latitud 102.10197 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 123 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 18 buah.

2. Kampung Tanjung Bangkong



Tapak Megalitik Kampung Tanjung Bangkong berada di kedudukan longitud 2.73861 Utara dan latitud 102.109896 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut

ialah 132 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 50 buah.

3. Kampung Padang Lebar



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar berada di kedudukan longitud 2.73545 Utara dan latitud 102.12633 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 103 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 39 buah.

4. Kampung Padang Lebar (2)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (2) berada di kedudukan longitud 2.74075 Utara dan latitud 102.12875 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 122 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 19 buah.

5. Kampung Padang Lebar (3)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (3) berada di kedudukan longitud 2.74059 Utara dan latitud 102.13028 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 123 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 208 buah.

6. Kampung Padang Lebar (4)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (4) berada di kedudukan longitud 2.74147 Utara dan latitud 102.13039 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 122 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 52 buah.

7. Kampung Padang Lebar (5)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (5) berada di kedudukan longitud 2.74176 Utara dan latitud 102.13319 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 123 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 11 buah.

8. Kampung Padang Lebar (6)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (6) berada di kedudukan longitud 2.74011 Utara dan latitud 102.12773 Timur manakala bacaan ketinggian dari aras laut ialah 121 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 31 buah.

9. Kampung Padang Lebar (7)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (7) berada di kedudukan longitud 2.74131 Utara dan latitud 102.12727 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 103 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 11 buah.

10. Kampung Terachi (1)



Tapak Megalitik Kampung Terachi (1) berada di kedudukan longitud 2.74242 Utara dan latitud 102.13582 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 122 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 133 buah.

11. Kampung Terachi (2)



Tapak Megalitik Kampung Terachi (2) berada di kedudukan longitud 2.74747 Utara dan latitud 102.14202 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 39 buah.

12. Kampung Durian Hijau



Tapak Megalitik Kampung Durian Hijau berada di kedudukan longitud 2.75813 Utara dan latitud 102.1397 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 125 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 46 buah.

13. Kampung Mampas Besar (2)



Tapak Megalitik Kampung Mampas Besar (2) berada di kedudukan longitud 2.75235 Utara dan latitud 102.13635 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 123 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 144 buah.

14. Kampung Mampas Besar (3)



Tapak Megalitik Kampung Mampas Besar (3) berada di kedudukan longitud 2.75155 Utara dan latitud 102.13746 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 113 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 22 buah.

15. Kampung Mampas Kecil



Tapak Megalitik Kampung Mampas Kecil berada di kedudukan longitud 2.75311 Utara dan latitud 102.14057 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 124 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 58 buah.

16. Kampung Mampas Kecil (2)



Tapak Megalitik Kampung Mampas Kecil (2) berada di kedudukan longitud 2.75336 Utara dan latitud 102.14323 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 110 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 8 buah.

17. Kampung Ibol (2)



Tapak Megalitik Kampung Ibol (2) berada di kedudukan longitud 2.74393 Utara dan latitud 102.15958 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 109 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 20 buah.

18. Kampung Ibol (3)



Tapak Megalitik Kampung Ibol (3) berada di kedudukan longitud 2.74394 Utara dan latitud 102.15781 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 36 buah.

19. Kampung Ibol (4)



Tapak Megalitik Kampung Ibol (4) berada di kedudukan longitud 2.74366 Utara dan latitud 102.16537 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 105 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 43 buah.

20. Kampung Ibol (5)



Tapak Megalitik Kampung Ibol (5) berada di kedudukan longitud 2.74323 Utara dan latitud 102.16653 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 106 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 31 buah.

21. Masjid Kampung Ibol



Tapak Megalitik Masjid Kampung Ibol berada di kedudukan longitud 2.74394 Utara dan latitud 102.1629 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 89 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 17 buah.

22. Kampung Kuala Parit



Tapak Megalitik Kampung Kuala Parit berada di kedudukan longitud 2.74446 Utara dan latitud 102.15302 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 114 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 70 buah.

23. Kampung Kundangan Seberang



Tapak Megalitik Kampung Kundangan Seberang berada di kedudukan longitud 2.74653 Utara dan latitud 102.13155 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 114 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 12 buah.

24. Kampung Kundangan Seberang (1)



Tapak Megalitik Kampung Kundangan Seberang (1) berada di kedudukan longitud 2.7463 Utara dan latitud 102.13132 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 115 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 1 buah.

25. Kampung Kundangan Seberang (2)



Tapak Megalitik Kampung Kundangan Seberang (2) berada di kedudukan longitud 2.74745 Utara dan latitud 102.13023 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 119 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 12 buah.

26. Kampung Kundangan Seberang (3)



Tapak Megalitik Kampung Kundangan Seberang (3) berada di kedudukan longitud 2.75177 Utara dan latitud 102.12919 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras

laut ialah 157 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 40 buah.

27. Kampung Gedang



Tapak Megalitik Kampung Gedang berada di kedudukan longitud 2.75177 Utara dan latitud 102.12919 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 157 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 102 buah.

28. Kampung Gedang (2)



Tapak Megalitik Kampung Gedang (2) berada di kedudukan longitud 2.73885 Utara dan latitud 102.12279 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 130 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 40 buah.

29. Kampung Tanjung Limau Purut



Tapak Megalitik Kampung Limau Purut berada di kedudukan longitud 2.74192 Utara dan latitud 102.11675 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 133 meter. Jumlah keseluruhan batu megalitik yang ditemui adalah sebanyak 123 buah.

30. Kampung Ulu Bendul (1)



Tapak Megalitik Kampung Hulu Bendul (1) berada di kedudukan longitud 2.73321 Utara dan latitud 102.09331 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 142 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 25 buah.

31. Kampung Ulu Bendul (2)



Tapak Megalitik Kampung Hulu Bendul (2) berada di kedudukan longitud 2.74057 Utara dan latitud 102.09331 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 136 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 4 buah.

32. Kubur Kampung Ayer Hitam



Tapak Megalitik Kubur Kampung Ayer Hitam berada di kedudukan longitud 2.74604 Utara dan latitud 102.1453 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 77 buah.

33. Kampung Ayer Hitam



Tapak Megalitik Kampung Ayer Hitam berada di kedudukan longitud 2.74617 Utara dan latitud 102.14410 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 118 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 32 buah.

34. Kampung Tanjung Petai



Tapak Megalitik Kampung Tanjung Petai berada di kedudukan longitud 2.74939 Utara dan latitud 102.15584 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 108 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 127 buah.

35. Kampung Lanjut Manis



Tapak Megalitik Kampung Lanjut Manis berada di kedudukan longitud 2.74867 Utara dan latitud 102.15204 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 108 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 63 buah.

36. Kampung Lanjut Manis 2



Tapak Megalitik Kampung Lanjut Manis 2 berada di kedudukan longitud 2.74907 Utara dan latitud 102.148 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 112 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 14 buah.

37. Kampung Parit Istana



Tapak Megalitik Kampung Parit Istana berada di kedudukan longitud 2.72455 Utara dan latitud 102.14906 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 110 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 19 buah.


38. Kampung Tanjung Ipoh



Tapak Megalitik Kampung Tanjung Ipoh berada di kedudukan longitud 2.74422 Utara dan latitud 102.1390 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 116 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 45 buah.

ii. Luak Gunung Pasir

Sumber mengatakan penduduk asal luak Gunung Pasir adalah orang-orang Minangkabau yang berhijrah daripada suku tanah datar. Penduduk asal luak ini adalah terdiri daripada golongan 'peneroka' dan tidak seperti di lain-lain tempat iaitu merupakan golongan 'pengembara' yang berpengaruh. Penduduk asal Luak Gunung Pasir datang terkemudian daripada puak pengembara itu beramai-ramai dengan membawa keluarga, saudara di samping seorang ketua (A. Samad Idris et al. 1994). Berikut merupakan peta taburan tapak megalitik di Luak Gunung Pasir dan juga senarai tapak megalitik yang dijumpai:



Rajah 3. Taburan Tapak Megalitik di Luak Gunung Pasir

1. Kampung Padang Biawas



Tapak Megalitik Kampung Padang Biawas berada di kedudukan longitud 2.6733 Utara dan latitud 102.15326 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 104 meter. Jumlah keseluruhan batu megalitik yang ditemui adalah sebanyak 36 buah.

2. Kampung Sekolah



Tapak Megalitik Kampung Sekolah berada di kedudukan longitud 2.66383 Utara dan latitud 102.105031 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalitik yang ditemui adalah sebanyak 35 buah.

3. Kampung Sikai



Tapak Megalitik Kampung Sikai berada di kedudukan longitud 2.66628 Utara dan latitud 102.16136 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 123 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 7 buah.

4. Kampung Sikai (2)



Tapak Megalitik Kampung Sikai (2) berada di kedudukan longitud 2.66533 Utara dan latitud 102.16635 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 133 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 39 buah.

5. Surau Kubur Kampung Sikai



Tapak Megalitik Surau Kubur Kampung Sikai berada di kedudukan longitud 2.66771 Utara dan latitud 102.1638 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 79 buah.

6. Kampung Gunung Pasir



Tapak Megalitik Kampung Gunung Pasir berada di kedudukan longitud 2.66501 Utara dan latitud 102.15408 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 117 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 49 buah.


7. Kampung Bukit Gunung Pasir



Tapak Megalitik Kampung Bukit Gunung Pasir berada di kedudukan longitud 2.66272 Utara dan latitud 102.16152 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 155 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 85 buah.

iii. Luak Ulu Muar

Luak Ulu Muar telah wujud semenjak pemerintahan Melaka lagi. Sumber mengatakan bahawa penduduk asal di Ulu Muar adalah orang asli. Penghijrahan orang Minangkabau ke Ulu Muar secara berperingkat mengikut kedatangan kumpulan sebelumnya yang telah membuat penempatan. Gelombang pertama kedatangan orang-orang Minangkabau ini sekitar abad ke-18 Masihi (A. Samad Idris et al. 1994). Berikut merupakan peta taburan tapak megalitik di Luak Ulu Muar dan senarai tapak megalitik yang dijumpai:



Rajah 4. Taburan Tapak Megalitik di Luak Ulu Muar

1. Kampung Kuala Jemapho



Tapak Megalitik Kampung Kuala Jemapoh berada di kedudukan longitud 2.77267 Utara dan latitud 102.27986 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 80 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 11 buah.

2. Kampung Kuala Jemapoh (2)



Tapak Megalitik Kampung Kuala Jemapoh (2) berada di kedudukan longitud 2.77289 Utara dan latitud 102.28016 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 81 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 12 buah.

3. Kampung Terusan



Tapak Megalitik Kampung Terusan berada di kedudukan longitud 2.78716 Utara dan latitud 102.32668 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 56 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 12 buah.

4. Kampung Gamin



Tapak Megalitik Kampung Gamin berada di kedudukan longitud 2.71217 Utara dan latitud 102.18798 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 108 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 28 buah.

5. Kampung Gamin (2)



Tapak Megalitik Kampung Gamin (2) berada di kedudukan longitud 2.71649 Utara dan latitud 102.13388 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 108 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 18 buah.

6. Kampung Gemetir



Tapak Megalitik Kampung Gemetir berada di kedudukan longitud 2.74148 Utara dan latitud 102.17433 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 109 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 4 buah.

7. Kampung Gemetir (2)



Tapak Megalitik Kampung Gemetir (2) berada di kedudukan longitud 2.74067 Utara dan latitud 102.17522 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 108 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 59 buah.

8. Kampung Huma



Tapak Megalitik Kampung Huma berada di kedudukan longitud 2.68753 Utara dan latitud 102.15102 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 128 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 16 buah.

9. Kampung Huma (2)



Tapak Megalitik Kampung Huma (2) berada di kedudukan longitud 2.68698 Utara dan latitud 102.15023 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 129 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 38 buah.

10. Kampung Huma (3)



Tapak Megalitik Kampung Huma (3) berada di kedudukan longitud 2.68889 Utara dan latitud 102.1515 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 121 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 18 buah.

11. Kampung Huma (4)



Tapak Megalitik Kampung Huma (4) berada di kedudukan longitud 2.68844 Utara dan latitud 102.15205 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 120 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 5 buah.

12. Kampung Galau



Tapak Megalitik Kampung Galau berada di kedudukan longitud 2.67224 Utara dan latitud 102.14689 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 120 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 31 buah.

13. Kampung Galau (2)



Tapak Megalitik Kampung Galau (2) berada di kedudukan longitud 2.6721 Utara dan latitud 102.14736 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 120 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 61 buah.

14. Kampung Cheriau



Tapak Megalitik Kampung Cheriau berada di kedudukan longitud 2.69494 Utara dan latitud 102.22971 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 107 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 6 buah.

15. Kampung Cheriau (2)



Tapak Megalitik Kampung Cheriau (2) berada di kedudukan longitud 2.69539 Utara dan latitud 102.22904 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 106 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 10 buah.

16. Kampung Merual



Tapak Megalitik Kampung Merual berada di kedudukan longitud 2.68177 Utara dan latitud 102.14751 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 125 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 3 buah.

17. Kampung Merual (2)



Tapak Megalitik Kampung Merual (2) berada di kedudukan longitud 2.68321 Utara dan latitud 102.14573 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 125 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 24 buah.

18. Kampung Juar



Tapak Megalitik Kampung Juar berada di kedudukan longitud 2.70262 Utara dan latitud 102.17131 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 112 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 15 buah.

19. Kampung Juar (2)



Tapak Megalitik Kampung Juar (2) berada di kedudukan longitud 2.70192 Utara dan latitud 102.172 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 125 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

20. Kampung Bukit Lintang



Tapak Megalitik Kampung Bukit Lintang berada di kedudukan longitud 2.77483 Utara dan latitud 102.16284 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 105 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 4 buah.

21. Kampung Bukit Lintang (2)



Tapak Megalitik Kampung Bukit Lintang (2) berada di kedudukan longitud 2.77468 Utara dan latitud 102.16427 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 110 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 5 buah.

22. Masjid Kampung Senaling



Tapak Megalitik Masjid Kampung Senaling berada di kedudukan longitud 2.71323 Utara dan latitud 102.25069 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 101 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 22 buah.

23. Kubur Batang Pilah



Tapak Megalitik Kubur Batang Pilah berada di kedudukan longitud 2.70713 Utara dan latitud 102.24792 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 101 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 26 buah.

24. Kubur Mungkal



Tapak Megalitik Kubur Mungkal berada di kedudukan longitud 2.68331 Utara dan latitud 102.18363 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 135 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 45 buah.

25. Kampung Pilah Tengah



Tapak Megalitik Kampung Pilah Tengah berada di kedudukan longitud 2.69064 Utara dan latitud 102.21565 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 122 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 60 buah.

26. Kampung Seri Pilah



Tapak Megalitik Kampung Seri Pilah berada di kedudukan longitud 2.68293 Utara dan latitud 102.1914 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 133 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 4 buah.

27. Kampung Seri Pilah (2)



Tapak Megalitik Kampung Seri Pilah (2) berada di kedudukan longitud 2.67925 Utara dan latitud 102.18806 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 135 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 11 buah.

28. Kampung Seri Pilah (3)



Tapak Megalitik Kampung Seri Pilah (3) berada di kedudukan longitud 2.67545 Utara dan latitud 102.18524 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 141 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 54 buah.

29. Kampung Gachong



Tapak Megalitik Kampung Gachong berada di kedudukan longitud 2.69064 Utara dan latitud 102.19932 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 116 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 129 buah.

30. Kampung Purun



Tapak Megalitik Kampung Purun berada di kedudukan longitud 2.74766 Utara dan latitud 102.18975 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 102 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 10 buah.

31. Kampung Purun (2)



Tapak Megalitik Kampung Purun (2) berada di kedudukan longitud 2.75354 Utara dan latitud 102.1853 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 98 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 14 buah.

32. Kampung Purun (3)



Tapak Megalitik Kampung Purun (3) berada di kedudukan longitud 2.75004 Utara dan latitud 102.19123 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 104 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 161 buah.

33. Kampung Purun (4)



Tapak Megalitik Kampung Purun (4) berada di kedudukan longitud 2.75453 Utara dan latitud 102.18535 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 117 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 103 buah.

34. Kampung Jumbang



Tapak Megalitik Kampung Jumbang berada di kedudukan longitud 2.6544 Utara dan latitud 102.13984 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 164 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

35. Kampung Kuala Talang



Tapak Megalitik Kampung Kuala Talang berada di kedudukan longitud 2.74956 Utara dan latitud 102.1797 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 103 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 118 buah.

36. Kampung Kuala Talang (2)



Tapak Megalitik Kampung Kuala Talang (2) berada di kedudukan longitud 2.74813 Utara dan latitud 102.18124 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 103 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 55 buah.

37. Kampung Kuala Talang (3)



Tapak Megalitik Kampung Kuala Talang (3) berada di kedudukan longitud 2.74884 Utara dan latitud 102.17953 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 105 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 7 buah.

38. Kampung Kuala Talang (4)



Tapak Megalitik Kampung Kuala Talang (4) berada di kedudukan longitud 2.75274 Utara dan latitud 102.17661 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 130 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 14 buah.

39. Kampung Naretah



Tapak Megalitik Kampung Naretah berada di kedudukan longitud 2.75371 Utara dan latitud 102.17615 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 102 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 18 buah.

40. Kampung Mungkal Sri Pilah



Tapak Megalitik Kampung Mungkal Sri Pilah berada di kedudukan longitud 2.68244 Utara dan latitud 102.18336 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 133 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

41. Kubur Mungkal



Tapak Megalitik Kubur Mungkal berada di kedudukan longitud 2.68331 Utara dan latitud 102.18363 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 135 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 45 buah.

42. Masjid Seri Mungkal



Tapak Megalitik Masjid Seri Mungkal berada di kedudukan longitud 2.73917 Utara dan latitud 102.19168 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 104 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

43. Kampung Peraku



Tapak Megalitik Kampung Peraku berada di kedudukan longitud 2.70104 Utara dan latitud 102.24213 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 92 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 9 buah.

44. Kampung Peraku (2)



Tapak Megalitik Kampung Peraku (2) berada di kedudukan longitud 2.70175 Utara dan latitud 102.24271 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 106 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 39 buah.

45. Kampung Talang Tengah



Tapak Megalitik Kampung Talang Tengah berada di kedudukan longitud 2.76803 Utara dan latitud 102.16388 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 7 buah.

46. Kampung Talang Tengah (2)



Tapak Megalitik Kampung Talang Tengah (2) berada di kedudukan longitud 2.7665 Utara dan latitud 102.1661 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 115 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 30 buah.

47. Kampung Sri Pilah



Tapak Megalitik Kampung Sri Pilah berada di kedudukan longitud 2.67116 Utara dan latitud 102.18281 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 149 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 9 buah.

48. Kampung Tanjung Ipoh



Tapak Megalitik Kampung Tanjung Ipoh berada di kedudukan longitud 2.74146 Utara dan latitud 102.18307 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 105 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 4 buah.

49. Kampung Tanjung Ipoh (2)



Tapak Megalitik Kampung Tanjung Ipoh (2) berada di kedudukan longitud 2.74058 Utara dan latitud 102.18848 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 102 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 9 buah.

50. Kubur Kampung Ibol



Tapak Megalitik Kubur Kampung Ibol berada di kedudukan longitud 2.74155 Utara dan latitud 102.18152 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 101 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 55 buah.

51. Kampung Bukit Perah



Tapak Megalitik Kampung Bukit Perah berada di kedudukan longitud 2.73657 Utara dan latitud 102.19174 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 100 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 40 buah.

52. Kampung Ampang Batu



Tapak Megalitik Kampung Ampang Batu berada di kedudukan longitud 2.70992 Utara dan latitud 102.17542 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 111 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 46 buah.

53. Kampung Mertang



Tapak Megalitik Kampung Mertang berada di kedudukan longitud 2.66759 Utara dan latitud 102.14337 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 125 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 28 buah.

54. Pulau Kampung Tengah



Tapak Megalitik Pulau Kampung Tengah berada di kedudukan longitud 2.72297 Utara dan latitud 102.18904 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 104 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 10 buah.

55. Kampung Ampang Tinggi



Tapak Megalitik Kampung Ampang Tinggi berada di kedudukan longitud 2.73655 Utara dan latitud 102.20649 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 109 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 68 buah.


56. Kampung Ampang Tinggi (2)



Tapak Megalitik Kampung Ampang Tinggi (2) berada di kedudukan longitud 2.73702 Utara dan latitud 102.20515 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 99 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 47 buah.

iv. Luak Jempol

Tempat pertama yang ditemui oleh peneroka-peneroka Minangkabau yang datang ke Luak Jempol dipercayai di Jambu Lapan apabila mereka mudik Sungai Muar hingga sampai ke Penarikan. Sewaktu kedatangan orang Minangkabau, wilayah berkenaan belum lagi dikenali sebagai Jempol. Pusat pemerintahan wilayah Jempol yang diteroka ini ialah Penarikan di Kuala Jempol dan Titian Teras di Ulu Jempol (A. Samad Idris et al. 1994). Berikut merupakan peta taburan tapak megalitik di Luak Jempol dan senarai tapak megalitik yang dijumpai:



Rajah 5. Taburan Tapak Megalitik di Luak Jempol

1. Kampung Bukit Perah



Tapak Megalitik Kampung Bukit Perah berada di kedudukan longitud 2.83962 Utara dan latitud 102.3072 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 86 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

2. Kampung Anak Air Penghulu Terentang



Tapak Megalitik Kampung Anak Air Penghulu Terentang berada di kedudukan longitud 2.83579 Utara dan latitud 102.2823 Timur manakala bacaan ketinggian

daripada aras laut ialah 108 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 17 buah.

3. Kampung Seri Melenggang Terentang



Tapak Megalitik Kampung Seri Melenggang Terentang berada di kedudukan longitud 2.85839 Utara dan latitud 102.27984 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 105 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 12 buah.

4. Kampung Padang Lebar



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar berada di kedudukan longitud 2.85946 Utara dan latitud 102.27656 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 112 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 15 buah.

5. Kampung Padang Lebar (2)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (2) berada di kedudukan longitud 2.86009 Utara dan latitud 102.27581 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 107 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

6. Kampung Padang Lebar (3)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (3) berada di kedudukan longitud 2.85909 Utara dan latitud 102.27226 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 115 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 15 buah.

7. Kampung Padang Lebar (4)



Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar (4) berada di kedudukan longitud 2.85911 Utara dan latitud 102.27249 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 113 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 10 buah.

8. Kampung Anak Air Bulan



Tapak Megalitik Kampung Anak Air Bulan berada di kedudukan longitud 2.86677 Utara dan latitud 102.27249 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 106 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

9. Kampung Jerjak Seberang



Tapak Megalitik Kampung Jerjak Seberang berada di kedudukan longitud 2.86826 Utara dan latitud 102.265 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 112 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 20 buah.

10. Kampung Jerjak Seberang (2)



Tapak Megalitik Kampung Jerjak Seberang (2) berada di kedudukan longitud 2.86875 Utara dan latitud 102.2607 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 107 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 11 buah.

11. Kampung Jerjak Seberang (3)



Tapak Megalitik Kampung Jerjak Seberang (3) berada di kedudukan longitud 2.86978 Utara dan latitud 102.25908 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 110 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 2 buah.

12. Kampung Sungai Jelutong



Tapak Megalitik Kampung Sungai Jelutong berada di kedudukan longitud 2.87207 Utara dan latitud 102.24904 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 124 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 11 buah.

13. Kampung Rachang



Tapak Megalitik Kampung Rachang berada di kedudukan longitud 2.88291 Utara dan latitud 102.23875 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 127 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 33 buah.

14. Kampung Jerjak Masjid



Tapak Megalitik Kampung Jerjak Masjid berada di kedudukan longitud 2.86305 Utara dan latitud 102.26252 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 97 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 40 buah.

15. Kampung Keru Dalam



Tapak Megalitik Kampung Keru Dalam berada di kedudukan longitud 2.86101 Utara dan latitud 102.2538 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 124 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 29 buah.

16. Kampung Tapak



Tapak Megalitik Kampung Tapak berada di kedudukan longitud 2.86294 Utara dan latitud 102.24157 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 115 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 40 buah.

17. Kampung Pulau



Tapak Megalitik Kampung Pulau berada di kedudukan longitud 2.86854 Utara dan latitud 102.23873 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 113 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 13 buah.

18. Kampung Majau



Tapak Megalitik Kampung Majau berada di kedudukan longitud 2.8598 Utara dan latitud 102.22415 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 129 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 10 buah.

19. Kampung Bukit Tempurung



Tapak Megalitik Kampung Bukit Tempurung berada di kedudukan longitud 2.85932 Utara dan latitud 102.21686 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 124 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 7 buah.

20. Kampung Tampin Pus



Tapak Megalitik Kampung Tampin Pus berada di kedudukan longitud 2.86491 Utara dan latitud 102.20869 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 127 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 12 buah.

21. Kampung Kasau



Tapak Megalitik Kampung Kasau berada di kedudukan longitud 2.86032 Utara dan latitud 102.18681 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 133 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 47 buah.


22. Kampung Tengkek



Tapak Megalitik Kampung Tengkek berada di kedudukan longitud 2.86955 Utara dan latitud 102.19781 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 136 meter. Jumlah keseluruhan batu megalit yang ditemui adalah sebanyak 45 buah.

v. Luak Inas

Luak Inas terletak di antara Daerah Kuala Pilah dan Daerah Tampin. Penduduknya merupakan penanam padi dan penoreh getah. Di Luak Inas juga terdapat perkampungan orang Asal yang menunjukkan mereka adalah penduduk asal bagi luak berkenaan. Dianggarkan dalam kurun ke-17 atau ke-18, barulah orang Minangkabau meneroka ke luak Inas. Mereka bertumpu ke Nanning dan Rembau sebelum membuat penempatan baru di Luak Inas. Berikutan dengan pergolakan di luak Rembau dan Nanning awal abad ke-19 Masihi, kedatangan orang-orang Minangkabau semakin bertambah (A. Samad Idris et al. 1994). Berikut merupakan peta taburan tapak megalitik di Luak Inas dan senarai tapak megalitik yang dijumpai:

Rajah
6.

Taburan Tapak Megalitik di Luak Inas

1. Kampung Tongoloi Ulu Inas



Tapak Megalitik Kampung Tongoloi Ulu Inas berada di kedudukan longitud 2.64256 Utara dan latitud 102.22831 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 127 meter. Jumlah keseluruhan batu megalitik yang ditemui adalah sebanyak 4 buah.

2. Kampung Padang Takachi



Tapak Megalitik Kampung Padang Takachi berada di kedudukan longitud 2.63969 Utara dan latitud 102.24199 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 118 meter. Jumlah keseluruhan batu megalitik yang ditemui adalah sebanyak 5 buah.

3. Kampung Ulu Inas



Tapak Megalitik Kampung Ulu Inas berada di kedudukan longitud 2.64208 Utara dan latitud 102.23091 Timur manakala bacaan ketinggian daripada aras laut ialah 126 meter. Jumlah keseluruhan batu megalitik yang ditemui adalah sebanyak 9 buah.

ISU TENTANG PEMUSATAN TAPAK MEGALITIK

Pengkalan Kempas

Isu berkaitan dengan pemusatan tapak megalitik di Negeri Sembilan menimbulkan pelbagai konflik dan salah faham dalam kalangan masyarakat. Berkaitan dengan pemindahan batu megalitik di sekitar Negeri Sembilan ke Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas di Port Dickson menjadi isu perdebatan masyarakat. Walaupun pemindahan ini dilakukan bagi memelihara batu berkenaan yang mana mempunyai nilai sejarah yang tinggi, namun ianya menjadi isu sensitif kerana masyarakat mempercayai bahawa tapak megalitik merupakan kubur nenek moyang mereka jadi tidak hairan jika ramai yang tidak bersetuju dengan pemindahan batu megalitik tersebut ke Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas di Port Dickson.

Pemangku Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) iaitu Aziz Mohd Gorip turut berkata bahawa pengalihan batu megalitik di merupakan langkah untuk memelihara batu tersebut daripada rosak dan musnah (Ameer 2018). Selain itu, beliau turut berkata bahawa pihak LMNS ingin mengumpulkan batu megalitik di lokasi yang bersesuaian supaya batu tersebut dapat dijaga dengan baik. Terdapat lebih daripada 3,500 batu megalitik yang ditemui di kawasan Terachi dan sekitarnya. Evans juga mendakwa bahawa budaya di Pengkalan Kempas adalah sedalam dua kaki berdasarkan kesan pasir yang berbeza dengan lapisan atas. Selain itu, menurut Zuraina Majid, tapak megalitik di Negeri Sembilan kemungkinan melebihi 200 tapak. Malah kebanyakan batu megalitik yang ditemui berada di atas tanah milik individu.

Bagi memastikan batu megalitik ini dapat diselenggara dengan baik, pihak Lembaga Muzium Negeri Sembilan bercadang untuk mewujudkan sebuah tapak pengumpulan megalitik yang dikenali dengan nama Pusat Konservasi Batu Megalitik Negeri Sembilan. Pusat Konservasi Batu Megalitik ini akan dibina dalam kawasan tapak bersejarah sedia ada iaitu Kompleks Bersejarah Pengkalan Kempas, Port Dickson. Untuk menjayakan pembinaan Pusat Konservasi Batu Megalitik Negeri Sembilan ini, Lembaga Muzium Negeri Sembilan akan bekerjasama dengan pelbagai pihak dan agensi berkaitan antaranya adalah Jabatan Warisan Negara, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson, JKKK Mukim Terachi, JKKK Mukim Sungai Raya dan lain-lain (Dato' Hasnol Mohamed 2017).

Antara tapak megalitik yang akan terlibat dalam projek pengalihan ini adalah seperti berikut Tapak Megalitik Kampung Gedang Terachi (Makam Tok Patah), Tapak Megalitik Kampung Terachi Batu 15 ½, Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar, Tanjung Ipoh, Tapak Megalitik Kampung Kundangan Terachi, Tapak Megalitik Kampung Pauh Terachi, Tapak Megalitik Kampung Mampas Besar, Tapak Megalitik Kampung Ibol Seberang Terachi, Tapak Megalitik Kampung Kuala Talang, Tapak Megalitik Kawasan Perkuburan Tanjung Ipoh, Tapak Megalitik Kampung Lanjut Manis, Tapak Megalitik Kampung Perigi Merbau, Tapak Megalitik Kampung

Gedang, Tapak Megalitik Kampung Lanjut Manis Terachi, Batu Megalitik Kawasan Tanah Perkuburan Kuala Jemapoh dan sebagainya (Dato' Hasnol Mohamed 2017).



Rajah 7. Tapak Megalitik Kampung Gedang Terachi



Rajah 8. Tapak Megalitik Kampung Terachi Batu 15 ½



Rajah 9. Tapak Megalitik Kampung Padang Lebar, Tanjung Ipoh

Hampir keseluruhan tapak megalitik yang ditemui berada di atas tanah persendirian seperti dalam Rajah 4, 5 dan 6. Bagi menyelesaikan masalah ini maka kerajaan negeri bercadang memindahkan batu megalit ke Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas supaya dapat dijaga dengan baik. Dengan itu, pihak Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) telah cuba untuk mendapatkan

persetujuan masyarakat setempat. Persetujuan pihak tertentu perlu dilakukan supaya tiada sebarang perbalahan yang berlaku semasa proses pemindahan batu megalit.

Pihak Muzium Diraja Seri Menanti telah mengumpulkan penduduk yang mana terdapat batu megalit di tanah mereka. Namun begitu, sebahagian kecil yang bersetuju dengan pemindahan batu megalit yang berada di atas tanah pemilik manakala sebagian besar tidak bersetuju. Sebahagian penduduk yang tidak bersetuju kerana mereka ingin mengekalkan keadaan in-situ megalit tersebut dan tapak tersebut merupakan tanah perkuburan moyang keluarga. Selain itu, penduduk juga ingin mengekalkan sejarah warisan kerana tapak tersebut telah berusia lebih 100 tahun dan keaslian sejarah tersebut perlu dikekalkan. Malah tapak megalitik tersebut dikatakan kawasan perkuburan penduduk asal yang membuka kawasan perkampungan tersebut. Oleh itu, kebanyakan masyarakat tempatan tidak bersetuju dengan pemindahan tapak megalitik di tanah milik mereka.

Penjagaan Tapak Di Pengkalan Kempas

Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas di Linggi, Port Dickson dalam proses baik pulih dan dijangka selesai pada September tahun ini (Anon 2017). Menurut Pemangku Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan Aziz Mohd. Gorip berkata, kerja-kerja baik pulih bermula awal bulan Ogos 2017 bagi tujuan memulihara dan memelihara salah satu produk pelancongan bersejarah di Negeri Sembilan. Antara pemuliharaan yang dilakukan adalah pembaikan atap, pendawaian semula elektrik, penggantian pagar kawasan dan penyelenggaraan kawasan keliling. Selain itu, ia juga melibatkan kerja-kerja kemas seperti mengecat, membaiki papan tanda penerangan di tapak tersebut dan lain-lain lagi.

Peruntukan bagi kerja-kerja memulihara dan memelihara Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas ini telah disalurkan oleh Jabatan Warisan Negara dengan matlamat supaya dapat memelihara Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas yang diangkat sebagai Warisan Kebangsaan pada 2015. Kompleks tersebut bukan sahaja terdapat makam pendakwah iaitu Syeikh Ahmad Majnun yang telah menyebarkan Islam semasa zaman Kesultanan Melaka. Tapak ini dianggarkan bertarikh sekitar abad 14-15 M berdasarkan pentarikhan (relatif) kubur Syeikh Ahmad Majnun yang mempunyai pentarikhan kematian pada 1467 M.

Morfologi megalit yang wujud di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan adalah unik kerana ianya mempunyai megalitik berbentuk kemudi, sudu (payung) dan pedang (keris). Kesemua imej ini asasnya dapat dikaitkan dengan kepimpinan yang diwujudkan dalam bentuk perlambangan dan jelas menunjukkan bagaimana pola hias ini mempunyai hubungkait dengan adat yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan. Hal ini kerana megalit yang terdapat di Pengkalan Kempas adalah satu-satunya megalit yang diukir dan dipahat dengan bentuk binatang, matahari/bulan dan terdapat perkataan Arab iaitu “Allah” dalam huruf jawi (A. Jalil Osman & Othman Yatim 1989).

Kepercayaan Masyarakat

Masyarakat percaya bahawa batu megalit yang berada di kawasan mereka adalah sebagai kubur nenek moyang. Batu megalit ini juga dikenali sebagai “batu hidup” dan dipercayai semakin tinggi dari masa ke semasa. Hal ini kerana masyarakat melihat perubahan saiz batu megalitik yang semakin meninggi dan menganggap batu tersebut hidup dan semakin meninggi. Selain itu, tapak megalitik juga dianggap sebagai keramat dan suatu ketika dahulu masyarakat setempat telah membuat ritual pada batu megalitik dengan membakar kemenyan serta membaca jampi. Namun begitu, masyarakat percaya bahawa tapak megalitik merupakan tanah kubur nenek moyang. Hal ini kerana amalan menandakan kubur bagi orang yang telah meninggal dunia dengan batu adalah amalan biasa dalam kalangan masyarakat kampung.

Batu merupakan pilihan yang terbaik untuk dijadikan penanda kubur berbanding dengan kayu, hal ini kerana sifat ketahanan batu yang tidak mudah mereput apabila berlaku tindak balas air, luluhawa dan sebagainya (Adnan Jusoh et. al. 2018). Kebiasaannya tapak kubur ditandakan dengan dua keping batu bagi menunjukkan kedudukan mayat yang ditanam dan batu yang bersaiz besar

menunjukkan kedudukan kepala mayat. Oleh kerana itu, tidak hairan jika terdapat masyarakat khususnya golongan tua yang menganggap batu megalit mempunyai kaitan dengan tapak perkuburan.

Pemeliharaan Megalitik di Tanah Persendirian

Megalit yang terdapat di Negeri Sembilan kebanyakannya berada di kawasan persendirian dan pemilik yang mendukung Adat Perpatih. Hal ini menjadi tanggungjawab individu dalam memelihara tapak warisan ini yang berada dalam kawasan tanah mereka. Pemeliharaan tapak megalitik ini perlu supaya dapat mengekalkan sejarah warisan nenek moyang yang telah ditinggalkan. Selain itu, supaya tradisi ini diketahui oleh generasi akan datang dan tidak dilupakan begitu sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan tiada yang pernah menceritakan perihal batu megalit yang berada di kawasan tanah mereka.

Kerjasama daripada pihak tertentu seperti kerajaan, daerah, muzium dan masyarakat sendiri memainkan peranan bagi memelihara tapak megalitik supaya ianya dapat dikekalkan. Selain itu, dana khas atau peruntukan perlu disediakan sama ada daripada segi kewangan dan tenaga kerja bagi menjamin kebersihan kawasan tapak serta supaya tapak megalitik tidak musnah disebabkan faktor persekitaran. Di samping itu, pemantauan yang kerap perlu dilakukan sama ada oleh penduduk mahupun pihak berwajib supaya kawasan tapak dapat dikekalkan dan tidak dimusnahkan.

Papan Tanda Tapak Megalitik

Masyarakat pada hari ini semakin tidak tahu dan tidak mempedulikan kewujudan tapak megalitik yang terdapat di kawasan sekitarnya. Selain itu, pembangunan infrastruktur yang semakin giat dilaksanakan terutama di sepanjang Jalan Seremban - Kuala Pilah, mungkin akan menjejaskan sisa budaya megalit ini. Walaupun tapak-tapak ini telah diketahui kewujudannya oleh masyarakat dunia, namun begitu papan tanda yang lebih berinformatif perlu ditingkatkan berkaitan dengan tapak. Papan tunjuk arah tapak megalitik yang ada juga tidak begitu jelas dan tidak membantu pelawat menuju ke arah tapak. Oleh itu sangat perlu papan tanda tunjuk arah tapak megalitik ditambahbaik. Hal ini supaya dapat memudahkan pelawat atau masyarakat sendiri mengetahui kedudukan tapak dan kewujudan tapak tersebut.

KESIMPULAN

Kebudayaan megalit adalah satu kebudayaan yang universal dan dikatakan bermula di kawasan sekitar Laut Mediterranean dan kemudian tersebar ke seluruh dunia termasuk di Alam Melayu. Kebudayaan ini turut berkembang dan meninggalkan pengaruhnya berdasarkan penemuan batu megalit di beberapa tapak di negara kita. Umpamanya menhir banyak ditemui di sekitar Negeri Sembilan dan Melaka, namun berlainan dengan penemuan di Perak yang lebih menonjolkan penemuan kubur kepingan batu. Begitu juga dengan penemuan di Sabah dan Sarawak yang turut menampilkan penemuan sejumlah menhir dan dolmen menambahkan lagi fenomena kebudayaan megalit di negara kita. Ini menyebabkan terdapat pelbagai perspektif masyarakat tentang batu megalit sama ada ia berkaitan dengan elemen ritual, pemujaan, kuasa luar biasa, keramat, tradisi penghormatan, pengaruh animisme dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kini didapati sesetengah tapak tinggalan kebudayaan megalit menjadi dilema sama ada ia perlu dipulihara atau dibiarkan. Ini kerana taburan batu Megalit adalah berselerak dan sesetengahnya berada dalam kawasan milik individu menyukarkan pengurusan tapak warisan untuk mengawal atau membuat tindakan susulan. Tambahan pula usaha pemuliharaan atau menaiktaraf persekitaran tapak warisan tersebut juga memerlukan kos. Di samping itu, tuntutan pembangunan untuk kesejahteraan masyarakat dengan kemunculan taman perumahan, kilang, prasarana, jalan raya, sekolah, pejabat, ruang niaga dan sebagainya menyebabkan isu ini menjadi semakin rumit. Sehubungan dengan itu, pemetaan tapak megalitik dengan menggunakan teknologi GIS dilihat sebagai salah satu usaha untuk merekod dan memelihara tinggalan warisan ini supaya terus kekal dan lestari. Usaha yang komprehensif dalam mengangkat tinggalan warisan ini sebagai

salah satu produk warisan pelancongan juga perlu digarap demi mewujudkan sebuah galeri yang terkait dengan kebudayaan megalitik di Asia Tenggara yang boleh dianggap unik.

RUJUKAN

- A. Jalil Osman & Othman Yatim. 1989. Sejarah Kebudayaan Megalitik (Batu Hidup) di Malaysia: Satu Pengenalan. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 2:70-81.
- A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud (Dharmala NS), Haji Muhammad Tainu & Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan Dan Kerajaan Negeri Sembilan.
- A. Samad Idris. 1994. Secebis Mengenai: Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya. Dlm. Tan Sri A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Haji Muhammad Tainu & Dharmala N.S. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, hlm. 41-57. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan Dan Kerajaan Negeri Sembilan.
- Anon. 2017. Kompleks Sejarah Penkalan Kempas dibaik pulih. <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/negeri-sembilan/kompleks-sejarah-pengkalan-kempas-dibaik-pulih>. [Diakses pada 16 Julai 2019].
- Adnan Jusoh, Yunus Sauman, Ruzairy Arbi & Zuliskandar Ramli. 2018. Kebudayaan megalit di Semenanjung Malaysia dari perspektif sosiobudaya dan etnoarkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 31(1):1-18.
- Ameer Khan. 2018. Batu Hidup Bakal Dipindahkan ke Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas. Sinar Harian Online. 31 Januari.
- Dato' Hasnol Mohamed. 2017. Potensi Batu Megalitik Sebagai Produk Pelancongan Baru Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Batu Megalit 2017. Anjuran Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Jabatan Muzium Malaysia dan Persatuan Malaysia. 21 November.
- Evans, I.H.N. 1921. A Grave and Megalitic in Negeri Sembilan with Account of some Excavation. *Journal of Federated Museum* 23:155-173.
- Hasanuddin. 2015. Kebudayaan Megalitik di Sulawesi Selatan dan Hubungannya dengan Asia Tenggara. Thesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia.
- Kamarul Baharin Buyong. 1992. Archaeological and ethnological survey of megalitic culture in Kuala Pilah, West Malaysia. University Microfilms International a Bell & Howell Information Company. Tesis PhD University of Pennsylvania.
- Muhamad Mahfuz Nordin. 1997. Megalitik (Batu Hidup) dan kaitannya dengan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan dan Melaka: Sudut Etno-arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 10: 24-94.
- Mohammad Yasir Zaafar. 2009. Rahsia Batu Megalitik. *Utusan Melayu*. 14 Januari.

Zuliskandar Ramli (Ph.D)
 Timbalan Pengarah/Prof. Madya
 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 Email: ziskandar2109@gmail.com

Shamsuddin Ahmad
 Pengarah,
 Lembaga Muzium Negeri Sembilan
 Jalan Sungei Ujong,
 70200 Seremban,
 Negeri Sembilan
 Email: shamsuddinahmad2016@gmail.com

Siti Salina Masdey
 Calon Sarjana Persuratan

Makmal Arkeologi dan Arkeometri,
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: salina.siti@ymail.com

Natasha Edreena Mohamad Nasruddin
Calon Sarjana Persuratan
Makmal Arkeologi dan Arkeometri,
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: tashareena77@gmail.com

Nur Farriehah Azizan
Calon Sarjana Persuratan
Makmal Arkeologi dan Arkeometri,
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: eahfarriehah@gmail.com

Muhammad Shafiq Mohd Ali
Pegawai Sains (C44)
Makmal Arkeologi dan Arkeometri,
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: muhdshafiq@ukm.edu.my

Diserahkan: 2 Julai 2019
Diterima: 25 Ogos 2019